



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:


- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 8 JANUARI 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**



ANGGOTA KPDN menemui minyak masak peket 1kg yang disorok di sebuah premis di Halaman Pasar, Taiping kelmarin.

Jual minyak peket RM2.80

- **Peniaga di Taiping jual minyak subsidi mahal 30 sen**
- **Ops Samar KPDN berjaya kesan peniaga tamak**

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

TAIPING – Sebuah kedai runcit di Halaman Pasar di sini dikenakan tindakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak kelmarin ekoran menjual minyak masak peket 1 kilogram (kg) pada harga RM2.80 sepeket.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, kes berkenaan dikendali sepasukan pegawai dan anggota pengawal kuasa KPDN Perak Cawangan Taiping kira-kira pukul 1 petang setelah mendapati kedai runcit itu menafakkan memiliki barang kawalan bersubsidi berkenaan.

Katanya, berdasarkan maklumat dan aduan orang awam, premis itu dikatakan menjual minyak masak peket 1kg bersubsidi dengan harga RM2.80 melebihi harga yang ditetapkan oleh kerajaan iaitu RM2.50.

Berdasarkan maklumat tersebut, satu tindakan uji beli

melalui Ops Samar telah dilaksanakan dan hasilnya mendapat pekerja premis memaklumkan minyak masak peket telah habis dijual.

"Curiga dengan jawapan pekerja premis tersebut, satu pemeriksaan lanjut kemudiannya dilakukan oleh sepasukan pegawai dan anggota pengawal kuasa beruniform," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.


Kamalludin berkata, pemeriksaan tersebut menemukan sebanyak 303kg minyak masak peket 1kg yang disimpan di stor simpanan barang dan sebahagianya dijumpai di bahagian dalam kaunter bayaran premis terbabit.

Sehubungan itu, beliau berkata, pasukan serbuhan KPDN Taiping telah mengambil tindakan dengan menyita kesemua 303kg minyak masak peket 1kg tersebut.

Katanya, turut disita ialah beberapa dokumen berkaitan kerana disyaki secara palsu menafakkan bawah mempunyai barang kawalan berjadual iaitu minyak masak peket 1kg dalam milikannya.

"Kesemua barang rampasan dianggarkan berjumlah RM757.50 dan kes akan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Padah sorok minyak peket



Pemeriksaan pihak KPDN Cawangan Taiping menemui sejumlah kotak berisi minyak masak peket yang tersimpan dalam stor dan sebahagiannya di kaunter bayaran premis.

Penguat kuasa KPDN buat penyamaran, bongkar salah laku peniaga seleweng barang kawalan

Oleh NORMAWATI ADNAN
TAIPING

Sebanyak 303 kilogram (kg) minyak masak peket dikesan disorokkan dalam stor penyimpanan sebuah kedai runcit di Halaman Pasar di sini.

Taktik tersebut terbongkar hasil siasatan dijalankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kosara Hidup (KPDN) Cawangan Taiping dalam Op Samar pada Isnin hasil maklumat orang awam.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, dalam operasi sekitar jam 1 petang itu, satu tindakan uji beli dilaksanakan dan hasilnya pekerja premis memaklumkan bahawa minyak masak peket telah

habis dijual.

Menurutnya, curiga dengan jawapan tersebut, satu pemeriksaan lanjut dilakukan sebelum menemui sejumlah kotak berisi minyak masak peket yang tersimpan dalam stor dan sebahagiannya di kaunter bayaran premis.

"Hasil siasatan kita dapat, pemilik premis ini secara palsu menafikan bahawa dia mempunyai barang kawalan berjadual iaitu minyak masak peket 1kg dalam milikannya.

"Kesemua 303kg minyak masak tersebut dianggarkan berjumlah RM757.50 telah disita bagi siasatan lanjut di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam kenyataan di sini pada Selasa.

Beliau berkata, KPDN tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati terlibat dalam aktiviti atau sindiket penyelewengan barang kawalan.

Ujar beliau, KPDN akan terus melaksanakan aktiviti penguatkuasaan mencegah penyelewengan barang kawalan, mengekang penipuan perniagaan dalam talian, membanteras monopoli dan kewujudan kartel.

AJENYE
YE!

KPDN rampas 300 liter diesel dalam pacuan empat roda

Oleh Vivi Oliviana Najurus

LABUAN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Labuan berjaya merampas 300 liter minyak diesel dalam satu serbuan menerusi Op Tiris di sini.

Pengarah KPDN Labuan Junaidah Arbain berkata, serbuan pada 6 Januari itu pada mulanya menahan dan memeriksa sebuah kenderaan pacuan empat roda yang berada dalam keadaan mencurigakan.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati kenderaan terabit diubah suai dengan tangki tambahan yang disembunyi di bahagian belakang kenderaan dengan menyim-

pan lebih kurang 300 liter minyak disyaki diesel.

"Kesemua barang kes terlibat dengan jumlah keseluruhan dianggarkan bernilai RM30,645 disita untuk siasatan lanjut," katanya.

Menurutnya, seorang lelaki warga tempatan berumur 44 tahun yang juga pemandu kenderaan turut ditahan untuk diambil keterangan bagi membantu siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) kerana gagal mengevaluasi sebarang surat kebenaran atau permit barang kawalan berhubung pemilikan barang kawalan berkenaan.

Beliau berkata, sebagai tindakan lanjut, kes ini akan disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961



SITA: Minyak diesel yang disita di dalam kenderaan pacuan empat roda diubah suai.

(Akta 122) kerana memiliki barang kawalan dengan

tujuan untuk melakukan kesalahan.

Padah enggan jual minyak masak peket, peniaga berdepan tindakan

IPOH: Keengganan sebuah kedai runcit di Halaman Pasar dekat Taiping menjual minyak masak peket kepada pelanggan mengundang padah apabila premis itu dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Perak kelmarin.

Pengarah KPDN Perak Datuk Kamalludin Ismail berkata tindakan diambil menerusi operasi dijalankan pada jam 1 tengah hari oleh sepasukan pegawai dan anggota penguar kuasa KPDN Cawangan Taiping.

"Tindakan dilakukan hasil maklumat orang awam yang mendakwa penjual menyem-

bunyikan minyak masak peket dan enggan menjualnya ketika diminta selain menjual pada harga RM2.80 dan bukannya pada kadar RM2.50 yang ditetapkan kerajaan.

"Anggota penguar kuasa telah melakukan penyamaran uji beli melalui Ops Samarsa sebelum dimaklumkan minyak

masak peket kehabisan stok untuk dijual," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata curiga dengan jawapan pekerja premis itu, pemeriksaan lanjut menemukan sejumlah kotak berjedua iaitu minyak masak peket bersubsidi dalam miliknya.

sebahagiannya di kaunter bayaran premis.

"Hasil siasatan mendapat pemilik premis ini secara palsu memfikir bahawa dia mempunyai barang kawalan berjedua iaitu minyak masak peket bersubsidi dalam miliknya.

"Berikutnya itu, satu arahan pengisytiharan stok di bawah

Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 dikeluarkan kepada penyelia premis dan barang itu disita untuk siasatan lanjut," katanya.

Beliau berkata KPDN tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati terlibat dalam aktiviti atau sindiket penyelewengan barang-barang kawalan, penipuan perniagaan dalam talian (e-dagang) serta membantera monopoli dan kewujudan kartel," katanya.

— Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Tambang bas sekolah naik mulai Februari

Oleh SABRINA ZULKIFLI
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Gabungan Persatuan Bas Sekolah Malaysia (GPBSM) tetap menaikkan kadar tambang bas sekolah bagi sesi persekolahan 2025 mulai Februari ini.

Kadar kenaikan tambang bas sekolah itu antara RM5 hingga RM10 seorang, ber�antung kepada persetujuan bersama antara pengusaha bas dan ibu bapa.

Presiden GPBSM, Mohd. Rofik Mohd. Yusof berkata, keputusan kadar tambang sepenuhnya terletak kepada rundingan dua hala (pengusaha bas dan ibu bapa), tanpa campur tangan kerajaan.

"Kenaikan ini adalah berdasarkan persetujuan bersama. Jika ibu bapa tidak bersetuju, mereka boleh mencari pengusaha bas lain sesuai dengan bajet mereka.

"Selalunya kenaikan yang dikenakan adalah antara RM5 hingga RM10 daripada harga asal. Ini adalah kadar yang dianggap munasabah dan boleh diterima oleh kedua-dua pihak," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan tambang bas sekolah dijangka meningkat antara RM10 hingga RM20 menjelang sesi persekolahan tahun 2025.

Peningkatan disebabkan kos penyelenggaraan yang semakin tinggi, termasuk kenaikan harga alat ganti serta pelaksanaan kadar gaji minimum baharu.

Bersambung di muka 3

Tambang bas sekolah naik mulai Februari

Dari muka 1

Bagaimanapun, Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), Prof Madya Datuk Dr. Mohamad Ali Hasan berkata, keputusan untuk menaikkan tambang bas sekolah sepatutnya membabitkan perbincangan bersama ibu bapa, pihak sekolah dan PIBG.

Suruhanjaya Persaingan Ma-

laysia (MyCC) pula dilaporkan memberi amaran akan bertindak terhadap persatuan perniagaan yang mengumumkan jangkaan kenaikan harga secara terbuka.

Pengerusi MyCC, Tan Sri Idrus Harun menyifatkan tindakan peniaga itu sebagai usaha mengaburi mata rakyat dan mempromosikan amalan kartel.

Susulan itu, Mohd. Rofik menasihatkan lebih 6,000 pe-

ngusaha bas dan van sekolah di negara ini berbincang terlebih dahulu dengan ibu bapa dan penjaga sebelum membuat keputusan menaikkan harga tambang perkhidmatan tersebut.

Mengulas lanjut, Mohd. Rofik berkata, kadar kenaikan maksimum yang dianggap wajar adalah antara RM5 hingga RM10, bergantung kepada rundingan kedua-dua pihak.

Katanya, kos operasi yang semakin meningkat memberikan tekanan kepada pengusaha bas sekolah untuk menaikkan tambang, tetapi mereka juga sedar akan beban kewangan yang dihadapi ibu bapa.

"Kerajaan tidak terlibat dalam menentukan kadar tambang ini. Pengusaha bas dan ibu bapa perlu mencari titik persetujuan yang adil untuk kedua-dua pihak," katanya.

Dijual berleluasa di pasaran tempatan, dapat permintaan kerana harga lebih murah

Produk tiruan ancam batik Terengganu

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA TERENGGANU: Kebanyakan batik tiruan ke pasaran negeri ini yang semakin berleluasa mengancam kelangsungan pengusaha dan warisan asli batik Terengganu yang terkenal dengan kehalusan seni, mutu serta kualitiannya.

Lebih malang, ramai pengguna masih keliru dengan menganggap batik adalah istilah untuk corak rekaan di atas fabrik, sedangkan ia merujuk kepada kain dilukis atau diterap dengan lilin dan dicelup menggunakan kaedah buatan tangan sepenuhnya.

Ketika ini, batik tiruan semakin banyak dibawa masuk dari negara luar seperti Thailand, Indonesia dan China yang memberi saingan kepada produk tempatan kerana dijual pada harga lebih murah.

Sebagai contoh, sehelai kain batik sarung tiruan dijual dalam lingkungan harga RM12 hingga RM15 berbanding batik asli Terengganu antara RM30 hingga RM45 juga menyebabkan permintaannya sentiasa meningkat di pasaran.

PERBEZAAN KETARA

Yang Dipertua Persatuan Pengusaha-Pengusaha Batik Negeri Terengganu, Shafei Ghazali berkata, hasil lukisan batik asli Terengganu yang lebih halus dan berseni mampu mencuri perhatian pengguna untuk cenderung memilihnya berbanding batik tiruan.


Katanya, banyak perbezaan antara batik asli Terengganu dan produk tiruan terutama dari segi pemilihan fabrik, penggunaan lilin dan nilai estetikanya.

"Batik asli Terengganu menggunakan kain kapas 100 peratus berbanding kain campuran nylon dan polyester untuk batik tiruan yang menyebabkan pemakai tidak selesa jika menggayakannya dalam tempoh lama, apatah lagi ketika cuaca panas."

"Batik tiruan juga dihasilkan dengan mesin, bukan seperti batik asli Terengganu yang bimbang ancaman batik tiruan ini bakal memberi implikasi besar terhadap produk kraf warisan itu, namun sehingga kini masih tiada jalan penyelesaian yang konkret untuk mengatasinya."

Menyedari hakikat itu, ramai pengusaha batik asli enggan lagi meratap nasib dan bangkit menghasilkan lebih banyak produk berkualiti tinggi dalam mempertahankan produk kraf warisan tersebut.

Pemilik Fadhzian Al Zahra



PEKERJA
Wan Azhar Batik
menjemur
kain batik untuk
dikeringkan selepas
siap diproses di Kampung
Seberang Takir,
Kuala Terengganu.
- UTUSAN/PUQTRA
HAIRY

tanya ketika dia
ditemui
Utusan Malaysia
baru-baru ini.

Beliau tidak menyalahkan tindakan peniaga yang menjual batik tiruan kerana memahami ia adalah adat dunia perniagaan, selagi masih ada tawaran dan permintaan.

"Cuma yang persatuan kesal kerana masih ada segelintir peniaga tidak jujur dengan pembeli dan tidak memberi tahu perkara sebenar kerana bimbang pembeli akan mempertikai kualiti batik asli Terengganu sekiranya terbeli batik tiruan," katanya.

ENGAN MERINTIH

Walaupun sudah banyak luahan dan rintihan pengusaha batik di Terengganu yang bimbang ancaman batik tiruan ini bakal memberi implikasi besar terhadap produk kraf warisan itu, namun sehingga kini masih tiada jalan penyelesaian yang konkret untuk mengatasinya.

Menyedari hakikat itu, ramai pengusaha batik asli enggan lagi meratap nasib dan bangkit menghasilkan lebih banyak produk berkualiti tinggi dalam mempertahankan produk kraf warisan tersebut.

Pemilik Fadhzian Al Zahra Batik & Songket, Muhammad Fadhil Ali Affandi, 36, berkata, dia dan rakan seperjuangan yang lain sedar mereka tidak boleh bersaing dengan produk tiruan, sebaliknya perlu berada dalam kelas tersendiri.

"Batik asli Terengganu ada

kelompok peminatnya yang sangat menghargai seni pembuatan batik dan sanggup membayar dengan harga yang berbaloi, setanding kualiti.

"Kami juga semakin berani bereksperimen dengan membuat lakaran corak baharu yang lebih moden dan segar untuk memikat hati pelanggan. Gabungan pelbagai teknik selain lilin, seperti tanah liat juga adalah inisiatif kami sebagai inovasi baharu dalam penghasilan batik," katanya.

PENJUAL JANGAN TAMAK

Muhammad Fadhil juga mengingatkan peniaga lain agar

membuat pilihan," katanya.

INISIATIF PENGGIAT

INDUSTRI PELIHARA BATIK

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Noor Arfa Holdings Sdn Bhd, Wan Mohd. Hafiz Wan Mohd. Ariffin berkata, syarikatnya mewujudkan satu segmen khas demonstrasi pembuatan batik asli sebagai pendekaran kepada pengunjung mengenai produk kraf tersebut.

Beliau berkata, Noor Arfa juga melantik ramai tenaga pengajar untuk melatih generasi baharu yang berminat mencebur industri ini agar tidak tenggelam di arus zaman.

"Noor Arfa seda membimbing usahawan batik dengan jenama mereka sendiri agar hasil seni ini kekal menjadi warisan negara, khususnya di Pantai Timur," katanya.

Menurutnya, Noor Arfa komited berkongsi ilmu mengenai batik asli Terengganu kepada pelanggan gun untuk memudahkan mereka membuat pilihan yang tepat.

"Batik tiruan akan sentiasa ada di pasaran, namun batik asli Terengganu mempunyai kelompok peminatnya yang tersendiri. Pelanggan yang ada keinginan untuk memartabatkan batik asli, pasti akan memilihnya berdasarkan ciri-ciri istimewa dan nilai estetika yang ada.

"Walaupun harganya agak mahal namun seperti kata pepatah 'alah membeli menang memakai' untuk memberi kepuasan kepada mereka dalam menggunakan batik asli Terengganu yang lebih selesa," katanya.

DAFTAR PATEN BAWAH MYIPO

Sementara itu, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Terengganu, Sahruddin Mohd. Kia berkata, penjualan batik tiruan boleh diambil tindakan jika pemilik rekaan sebenar mendaftarkannya dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Beliau berkata, langkah itu penting bagi membolehkan tindakan diambil terhadap mana-mana pihak yang memalsukan atau membuat produk tiruan yang menyerupai produk asli kerana mengelirukan pengguna.

"Setakat ini, belum ada mana-mana pengusaha batik asli yang tampil membuat aduan mengenai paten produk yang diciplak."

"KPDN sangat menyarankan mereka segera melindungi hak cipta rekaan ini sebagai langkah pertama untuk membanteras penjualan batik tiruan," katanya.



PERBANDINGAN antara batik Terengganu (kanan) yang dicanting menggunakan blok lilin dengan batik dari negara jiran yang dihasilkan menerusi cetakan komputer yang mudah luntur.

MGA calls for ban on import, sale of gold-wrapped silver products

KUALA LUMPUR: The Malaysia Gold Association (MGA) has called for the immediate cessation of and ban on the import, fabrication, and sale of "gold-wrapped silver" and similar gold-wrapped products.

In a statement Tuesday, MGA said the influx of such products into the country could have a significant impact on the integrity of the country's precious metals market, causing price confusion and affecting real gold demand and the overall dynamics of precious metals.

It noted that these products resemble genuine gold jewellery due to the thickness of the gold layer, making it difficult for consumers to distinguish them from real gold without professional assessment.

"This misperception creates the risk of financial loss, as consumers may unknowingly purchase these deceptive products under the false belief they are acquiring authentic gold," the association said.

MGA president Datuk Wira Louis Ng urged industry players,

manufacturers, importers, retailers, distributors, and particularly enforcement agencies to formally categorise gold-wrapped silver and similar gold-wrapped products (with non-gold inner cores) as fake gold and prohibited items.

"We hope Malaysian enforcement authorities, including the Royal Malaysian Customs Department and the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living, will impose stricter regulations to prohibit the sale, trade, and exchange of these deceptive products, including on e-commerce platforms," he said.

Ng emphasised that rigorous monitoring and enforcement are required to safeguard consumer rights.

MGA said that after careful consideration and discussions with key industry players, including manufacturers, retailers, pawnbrokers, Ar-Rahnu, and other stakeholders, it has unanimously decided to reject such products and fully comply with measures to halt these products' production, importation, and sale.— Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 8 JANUARI 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
8-Jan	Peniaga sorok minyak peket dalam stor, enggan jual kepada pengguna	https://www.sinarharian.com.my/article/705778/berita/semasa/peniaga-sorok-minyak-peket-dalam-stor-enggan-jual-kepada-pengguna	SINAR HARIAN
8-Jan	Pacuan empat roda diubahsuai, guna tangki tambahan seleweng diesel	https://sabahmedia.com/2025/01/07/pacuan-empat-roda-diubahsuai-guna-tangki-tambahan-seleweng-diesel/	SABAH MEDIA
8-Jan	KPDN rampas 300 liter diesel dalam pacuan empat roda diubah suai	https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/07/kpdn-rampas-300-liter-diesel-dalam-pacuan-empat-roda-diubah-suai	UTUSAN BORNEO
8-Jan	KPDN Kedah serbu premis pemborong diesel di Bukit Kayu Hitam	https://www.sinarharian.com.my/article/705920/berita/semasa/kpdn-kedah-serbu-premis-pemborong-diesel-di-bukit-kayu-hitam	SINAR HARIAN
8-Jan	KPDN Kedah serbu premis pemborong diesel di Bukit Kayu Hitam	https://astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-kedah-serbu-premis-pemborong-diesel-di-bukit-kayu-hitam-503624	ASTRO AWANI
8-Jan	KPDN Kedah Serbu Premis Pemborong Diesel di Bukit Kayu Hitam	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2380142	BERNAMA
8-Jan	Kedah KPDN seizes 7,400 litres of diesel in Bukit Kayu Hitam raid	https://thesun.my/malaysia-news/kedah-kpdn-seizes-7400-litres-of-diesel-in-bukit-kayu-hitam-raid-MP13492295	THE SUN

8-Jan	KPDN Buat Lawatan Mengejut Ke Gerai Sate RM24.90 Mark Adam	https://thevocket.com/kpdn-buat-lawatan-mengejut-ke-gerai-sate-rm24-90-mark-adam/	THE VOCKET
8-Jan	MGA gesa larangan import, pembuatan, jualan produk 'perak bersadur emas'	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2025/01/1346177/mga-gesa-larangan-import-pembuatan-jualan-produk-perak-bersadur	BERITA HARIAN
8-Jan	MGA Gesa Henti Import, Jualan Produk Perak Saduran Emas	https://bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2380124	BERNAMA
8-Jan	Polis Marin rampas petrol seludup bernilai lebih RM104,300	https://utusansarawak.com.my/polis-marin-rampas-petrol-seludup-bernilai-lebih-	UTUSAN SARAWAK
8-Jan	Padah enggan jual minyak masak peket, peniaga berdepan tindakan	https://astroawani.com/berita-malaysia/padah-enggan-jual-minyak-masak-peket-peniaga-berdepan-tindakan-503568	ASTRO AWANI
8-Jan	Taiping shop penalised for overcharging, hoarding subsidised cooking oil	https://thesun.my/malaysia-news/taiping-shop-penalised-for-overcharging-hoarding-subsidised-cooking-oil-JP13490768	THE SUN